

**PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:**

"Kerana itu, kalau kamu dibangkitkan bersama dengan Kristus, carilah perkara yang di atas"

(Kolose 3: 1)

Hari ini, sekali lagi, kita diberitahu supaya jangan takut. Yesus akan mencari kita, malah, mendahului dan menunggu kita di hadapan. Dia memastikan kita mengatasi cabaran-cabaran dalam kehidupan. Dia akan mengalihkan batu besar yang menghalang perjalanan kita, kepercayaan kita kepada-Nya yang menimbulkan keraguan di hati kita bahawa Dia benar-benar mengasihi kita dan berkorban untuk kita. Kita yakin, ketika kita mengulangi sumpahan pembaptisan dengan ikhlas, bahawa kita mempercayai Kristus dan menerima pengampunan dosa dalam nama-Nya. Dia bakal datang sebagai Hakim kepada yang hidup dan yang mati.

Namun pada kedatangan-Nya, bolehkah kita mengenali Dia? Maria dan murid-murid-Nya gagal mengenali-Nya. Mereka telah dipenuhi dengan ketakutan dan tidak berdaya akibat kehilangan mereka. Mereka hanya memegang kepada imej-Nya di bumi dalam kenangan mereka. Selepas kebangkitan-Nya, Yesus menjelma dalam badan yang berubah dalam rohani dan memancarkan cahaya kemenangan ke atas dosa dan kematian. Ketika Dia datang kembali, kita juga akan muncul bersama-Nya dalam kemuliaan.

Marilah kita memerhati apa yang dikatakan oleh Bapa Suci kita, Santo Yohanes Paulus II: **"Jangan abaikan dirimu dan berputus asa. Kita adalah orang Paskah dan hallelujah adalah lagu kita."**

Saranan ini memang bersesuaian dan kena pada masanya. Rayakanlah kebangkitan Tuhan kita dengan ikhlas dan kebenaran, dengan sukacita, kesyukuran dan keberanian ketika kita berkongsi kemenangan-Nya! Yesus adalah Tuhan! Alami-Nya dalam pernafasan kita, dalam hati dan tindakan kita. Biar dunia mengetahui bahawa Dia adalah Tuhan dan Penyelamat kita. Bersukacitalah kerana TUHAN adalah Raja! ✠

**AYAT SUCI
MINGGU INI**

Kisah Para Rasul 10:
34, 37-43;

Mazmur 117: 1-2,
16-17, 22-23;


Kol 3: 1-4 /
1 Kor. 5: 6-8;

Yohanes. 20: 1-9 /
Mk. 16: 1-7

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH **Hari Minggu Paskah Kebangkitan Tuhan**

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI



TEMA BULANAN:
**BANGKIT DALAM
PENGHARAPAN**

Alleluia!
Tuhan Telah Berbangkit!

Marilah kita bernyanyi:
**Ini harilah yang Tuhan jadikan;
marilah kita bergembira dan berriang ria.**

Kita sudah berulang kali mendengar pesanan Paskah. Perlukah kita diberi peringatan? Ya! Kita adalah umat sejati yang mempercayai Kristus. Tetapi kita masih endah tak endah. Kita tidak mampu merubahnya. Kita sering mengaitkannya sebagai kebiasaan manusia. Seumpama air yang menetap di paras air, kita berundur ke zon keselesaan kita juga. Ia menjadi kebiasaan kita berputus asa dan merasa ketakutan setiap kali kita menghadapi kesukaran dan ketidakpastian.